

29 NOV 1996

Umno-Perak

TIGA MUKA BARU SERTAI PERHUBUNGAN UMNO PERAK

IPOH, 29 Nov (Bernama) -- Tiga muka baru dilantik mengisi jawatan penting dalam Badan Perhubungan Umno Perak yang mengadakan mesyuarat pertamanya petang ini selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Umno malam tadi.

Mereka ialah Haji Mohd Zaim Abu Hassan yang dilantik setiausaha, Ramly Bendahari.

Perlantikan mereka diumumkan oleh Menteri Besar Tan Sri Ramli Ngah Talib selaku Pengerusi Badan Perhubungan Negeri.

Abu Zaim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam Negeri menggantikan Datuk Haji Ahmed Hambal Yeop Majlis, Ramly (Pengerusi Jawatankuasa Pertanian Negeri) menggantikan Datuk Haji Junus Wahid manakala Wajidi menggantikan Dr Safri Nawawi.

Ramli menerajui Biro Politik manakala pengerusi biro-biro lain akan diputuskan kemudian.

Perlantikan Timbalan Pengerusi yang dikosongkan oleh Ketua Bahagian Teluk Intan, Datuk Haji Mohd Arshad Abdullah akan dibuat oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku presiden parti.

Junus dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin, satu jawatan baru di peringkat perhubungan negeri, yang akan menangani masalah mengenai keahlian yang timbul di peringkat cawangan dan bahagian.

Sebelum ini masalah yang timbul di kedua-dua peringkat itu ditangani oleh Timbalan Pengerusi yang diberi kuasa oleh Majlis Tertinggi parti.

Menurut Ramli, beliau memanggil mesyuarat pertama itu sebaik dilantik semula mempengerusikan badan perhubungan malam tadi bagi membolehkan jentera parti digerakkan segera memadamkan ramai yang akan bercuti pada bulan depan manakala Januari dan Februari adalah bulan puasa dan Hari Raya.

-- BERNAMA

LAT MAI